

Keadah Pembelajaran Al-Quran melalui Teknik Al-Baghdadi

Noornajihan Jaafar

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Email: noornajihan@usim.edu.my

Abstrak

Teknik Al-Baghdadi merupakan sebahagian daripada kepelbagaian cara P&P yang tercetus daripada perkembangan semasa pendidikan al-Quran di mana keperluannya menurut pengasas begitu memberi impak jauh lebih berkesan pada majoriti besar pelajar yang masih belum boleh membaca al-Quran. Modul pembelajaran yang disusun oleh pengasas lengkap dan memenuhi keperluan pembelajaran seperti yang mendapat perhatian dalam pelbagai cabang kajian berkenaan masalah pendidikan. Salah satunya adalah pendekatan 5 Domain yang diterapkan dalam Al-Baghdadi Playtime. Teknik Al-Baghdadi memudahkan pengajaran guru kerana boleh diaplikasikan dalam bentuk kelas melibatkan keseluruhan pelajar dan masa yang diperuntukkan, silibusnya yang merentas kurikulum sehingga membolehkan pelajar mengenal lebih daripada satu bentuk bacaan walaupun masih berada pada pelajaran pertama, pelajaran yang padat dan menggunakan sistem SAS yang terbukti berkesan, Teknik yang bertindak mendisiplinkan bacaan dan sekaligus merangsang kemahiran dan tumpuan sepenuhnya, sukatan pelajaran yang lentur terhadap semua peringkat umur (dibuktikan melalui kelas-kelas yang dijalankan di seluruh Malaysia dan testimoni lebih 8000 peserta kursus yang pernah menghadiri program Al Baghdadi Method Sdn. Bhd.) dan melahirkan pelajar yang bukan sahaja belajar namun boleh mengajarkannya kepada orang lain kerana sukatan dan tekniknya yang mudah untuk difahami.

Keywords: *kaedah, pembelajaran al-Qur'an, teknik, al-Baghdadi*

Pendahuluan


Teknik al-Baghdadi merupakan satu kaedah pembelajaran al-Quran terkini yang diasaskan oleh Ustaz Jalaluddin Bin Haji Hassanuddin. Kaedah ini merupakan pencetus inovasi kepada pendidikan al-Quran dan direka cipta khas bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam dalam pendidikan al-Quran khususnya di Malaysia. Objektif utama kaedah ini diasaskan ialah bagi membendung masalah buta al-Quran yang serius dalam masyarakat Islam di Malaysia dan melahirkan generasi yang celik al-Quran dengan bacaan yang baik.

Kaedah yang dibangunkan ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Ia merupakan satu kaedah pengajaran yang menyeluruh. Pengajaran tidak hanya tertumpu kepada bahan yang disediakan semata-mata, namun turut melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini


bermakna proses pembelajaran sangat menitikberatkan kaedah yang diaplikasi oleh guru. Tindak balas positif daripada pelajar perlu diambil perhatian agar menghasilkan metodologi yang berkesan.

Latar Belakang Teknik Al-Baghdadi


Teknik Al-Baghdadi merupakan satu teknik yang diolah bagi memudahkan setiap lapisan masyarakat mempelajari asas al-Quran dan diasaskan sendiri oleh Ustaz Jalaluddin Bin Haji Hassanuddin Al-Baghdadi yang berasal dari Temerloh, Pahang. Ianya terdiri daripada sebuah buku Tamhid Al-Baghdadi dan sebuah Alat Ketuk (Alat Bantu Mengajar) seperti yang ditunjukkan pada rajah di bawah:



Konsep pembelajaran asas al-Quran menggunakan teknik Intonasi ini adalah dengan memberikan bacaan 'satu huruf bersamaan dengan satu intonasiketukan'. Terdapat 3 mekanisme yang perlu dititikberatkan di dalam pelaksanaan pembelajaran dengan Teknik Al-Baghdadi iaitu:



Berikut pula merupakan contoh kaedah pengajaran menggunakan teknik al-Baghdadi:




Didapati kaedah ini menerapkan sebutan bagi hampir kesemua suku kata yang wujud dalam bahasa arab seawal-awal pembelajaran. Inilah yang membezakan antara teknik dengan kaedah-kaedah pembelaran al-Quran yang lain.

Objektif Teknik Al-Baghdadi Diperkenalkan

Bagi memahami teknik al-Baghdadi dengan lebih mendalam, objektif teknik al-Baghdadi perlu diketahui dan difahami terlebih dahulu. Berikut merupakan objektif utama pengasasan teknik al-Baghdadi:

1. Menyediakan satu teknik pembelajaran al-Quran yang boleh diserapkan dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dengan ciri-ciri seperti berikut:



2. Mewujudkan pembelajaran al-Quran yang sistematik dengan mengaplikasikan sistem SAS (Struktur, Analisis & Sintesis) yang terbukti berkesan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran
3. Melahirkan generasi yang boleh membaca al-Quran seawal usia dalam masa yang singkat tidak lebih daripada 3 bulan dan boleh mengajarkannya kepada orang lain.
4. Mewujudkan sistem pembelajaran al-Quran secara kelas dengan memanfaatkan sepenuhnya masa pembelajaran yang diperuntukkan.
5. Memberikan satu modul yang jelas dan lengkap dari segi pedagogi dan metodologinya sebagai panduan pendidik.
6. Mencapai hasrat mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi yang inginkan pelajar bukan sahaja boleh membaca al-Quran bahkan boleh khatam al-Quran di peringkat sekolah rendah lagi.

Pembelajaran Merentas Kurikulum

Buku Tamhid Al-Baghdadi tidak disusun seperti mana lazimnya kaedah lain. Pelajaran Pertama terus sahaja diperkenalkan dengan sebuah kalimah yang sekaligus memperkenalkan kombinasi

tiga huruf daripada 28 huruf yang boleh menerima tanda bacaan. 3 huruf ini dipersembahkan dalam bentuk SAS (Struktur, Analisis dan Sintesis).

Kalimah yang sebenarnya merupakan struktur digunapakai merujuk kepada kebiasaan kanak-kanak yang mudah mempelajari perkataan seperti bola, emak, ayah, susu dan sebagainya ketika mula-mula boleh bercakap namun hanya mengetahui ejaan B-O-L-A tersebut ketika berada di tadika atau ketika darjah satu di sekolah rendah. Ini jelas menunjukkan kanak-kanak lebih mudah mempelajari sesuatu dalam bentuk kalimah atau struktur.


Struktur itu kemudiannya dianalisis satu-persatu bunyi-bunyi yang terdapat padanya seperti bacaan pendek, bacaan panjang, dan bacaan tanwin. Setelah dianalisis, bunyi-bunyi tersebut digabung jalin (sintesis) bagi menjelaskan kepada pelajar bahawa bunyi asas yang diperkenalkan pada peringkat struktur tadi boleh membentuk pelbagai lagi bunyi yang mungkin, di mana bunyi-bunyi inilah yang menjadi asas kepada pembentukan ayat-ayat yang terdapat dalam 30 juzuk al-Quran.

Justeru, tidak mustahil mengapa ia praktikal untuk membolehkan pelajar dapat membaca al-Quran walaupun dengan hanya satu buku yang tipis sahaja. Dengan hanya satu pelajaran, pelajar diajar mengenai bacaan pendek, mad dan tanwin. Dalam masa yang sama, pelajar didisiplinkan membaca dengan memberi hak setiap huruf dan diajar bagaimana untuk membaca perkataan yang bersambung sekaligus menghayati bunyi-bunyi yang lain yang boleh digabung jalin bagi membentuk lebih banyak kalimah.

Alat Bantu Mengajar (Alat Ketuk)

Teknik al-Baghdadi bukan sahaja terdiri daripada buku Tamhidi al-Baghdadi, namun ia juga dilengkapi dengan alat ketuk iaitu alat bantu mengajar. Ia dicipta untuk mendisiplinkan bacaan dengan memberikan satu intonasi ketukan kepada setiap huruf yang dibaca. Antara tujuan utama penggunaan alat ketuk tersebut adalah untuk memberikan hak yang sempurna kepada setiap huruf yang dibaca. Ini bertepatan dengan konsep bacaan secara bertajwid iaitu memberikan hak yang sempurna bagi setiap huruf.

Alat ketuk ini terdiri daripada "papan ketuk" dan "kayu ketuk". Dua lubang yang terdapat pada alat ketuk adalah sebagai jarak ketukan yang sebenarnya mengisi keperluan tempo bacaan yang akan mewujudkan pola bacaan mengikut intonasi yang ditanam ke dalam diri pelajar. Ketukan afdalnya bermula dari sebelah kanan ke kiri dan ke kanan semula. Begitulah seterusnya. Ketukan akan berterusan mengikut bilangan huruf yang dibaca. Berikut merupakan gambarajah bagi ketukan menggunakan alat ketuk:



Gambar 1. Ilustrasi Alat Ketuk


Ketukan bermula dari sebelah kanan ke kiri seperti yang ditunjukkan pada anak panah bernombor 1 dan kembali semula ke kiri seperti yang ditunjukkan oleh anak panah bernombor 2. Begitulah seterusnya. Ketukan dan bacaan haruslah serentak.

Kaedah ketukan ini mampu merangsang minda pelajar dari pelbagai aspek. Ia melibatkan pengukuhan daya ingatan pelajar iaitu domain audio (pendengaran), domain visual (penglihatan), domain kognitif (proses aktif minda untuk memperolehi pengetahuan dan mendorong seseorang untuk belajar), domain afektif (melibatkan perasaan, nilai yang dipegang, sensitiviti dan persepsi individu) dan domain psikomotor (pergerakan tubuh atau apa sahaja pergerakan aktiviti dalam bentuk tingkahlaku).

Proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik al-Baghdadi amat bergantung kepada penggunaan alat ketuk ini. Sekiranya alat ketuk ini tidak diguna, proses pengajaran dan pembelajaran masih dapat diteruskan namun keseronokan dan keasyikan pembelajaran mungkin mengurang. Ini menunjukkan betapa pentingnya penggunaan alat ketuk tersebut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Alat Bantu Mengajar - Kad Al-Baghdadi (Kad Imbasan)

Teknik al-Baghdadi amat sesuai digunakan oleh setiap lapisan umur. Mereka semua mestilah memiliki dan menggunakan dua perkara asas di dalam Teknik al-Baghdadi yang telah disebutkan iaitu buku Tamhid al-Baghdadi dan "alat ketuk". Namun bagi kanak-kanak, terdapat beberapa lagi alat bantu mengajar yang dapat membantu dan mempercepatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya terdiri daripada kad-kad imbasan yang dinamakan sebagai Kad al-Baghdadi. Penggunaan kad imbasan terbukti berkesan dalam pembelajaran kanak-kanak terutamanya dalam pembelajaran bahasa. Oleh itu, Teknik al-Baghdadi tidak ketinggalan untuk menggunakan alat bantu mengajar ini dan ternyata ia memberi kesan positif terhadap penguasaan kanak-kanak dalam pembelajaran al-Quran.



1. Kad Al-Baghdadi berwarna kuning cair menunjukkan bunyi yang terdapat pada kad tersebut perlu dibaca dengan dua intonasi ketukan.
2. Kad Al-Baghdadi berwarna ungu muda menunjukkan bunyi yang terdapat pada kad tersebut hanya perlu dibaca dengan satu intonasi ketukan sahaja.

Penggunaan warna-warna ini diaplikasi bagi mengukuhkan visualisasi pelajar dengan memudahkan mereka mengingat bunyi-bunyi yang terdapat dalam pelajaran. Ternyata penggunaan kad imbasan al-Baghdadi yang berwarna-warni mampu menarik perhatian pelajar dalam sesi pembelajaran sekaligus meningkatkan mutu bacaan mereka.

Alat Bantu Mengajar - Set Al-Baghdadi Playtime

Sudah menjadi lumrah, kanak-kanak memang suka bermain tidak kira sama ada ketika berada di rumah mahu pun sekolah. Bahkan kajian menunjukkan antara kaedah pembelajaran yang berkesan adalah melalui permainan. Ini kerana kanak-kanak itu sendiri mengalami dan memainkan peranan dalam permainan tersebut. Melihat kepada kesan baik yang terdapat pada kaedah pembelajaran menerusi permainan, Teknik al-Baghdadi turut menyediakan satu set permainan yang lengkap bagi tujuan pembelajaran al-Quran. Ia dinamakan sebagai Set al-Baghdadi Playtime.

Set Al-Baghdadi Playtime merupakan satu modul pelengkap yang dihasilkan oleh pengasas untuk tujuan pengukuhan daya ingatan pelajar terhadap penguasaan bunyi-bunyi asas al-Quran yang terdapat dalam buku Tamhid Al-Baghdadi. Ianya berupa set 6 keping permainan kreatif yang mempunyai tema dan konsep permainan berbeza. Set permainan kreatif ini disusun bagi mencakupi kesemua 5 domain yang diperlukan untuk memaksimumkan sepenuhnya penumpuan pelajar terhadap pembelajaran.

Ab Aziz Mohd Yatim (2008) menyatakan kecerdasan pelajar terbahagi kepada 8 jenis iaitu kecerdasan bahasa atau linguistik (keupayaan menguasai bahasa), kecerdasan muzik, kecerdasan logik-matematika, kecerdasan ruang, kecerdasan badan-kinestetik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan "environmental or naturalist". Kecerdasan ini berbeza terhadap setiap individu bergantung kepada kecenderungan atau pendominasian kecerdasan. Justeru, modul yang berbentuk penyepaduan kesemua jenis kecerdasan tersebut untuk membantu memaksimumkan kecemerlangan pencapaian pembelajaran pelajar yang terdiri daripada latar kebolehan yang pelbagai sangat diperlukan.

Lima domain yang dianggap aspek terpenting bagi mengukuhkan daya ingatan pelajar ialah domain audio (pendengaran), domain visual (penglihatan), domain kognitif (proses aktif minda untuk memperolehi pengetahuan dan mendorong seseorang untuk belajar), domain afektif (melibatkan perasaan, nilai yang dipegang, sensitiviti dan persepsi individu) dan domain psikomotor (pergerakan tubuh atau apa sahaja pergerakan aktiviti dalam bentuk tingkahlaku).

Kesemua domain ini mampu dijana sepenuhnya melalui penggunaan warna, bentuk huruf, mekanisme permainan, sebutan huruf dan bunyi bacaan berintonasi serta pelbagai lagi dalam aktiviti pembelajaran Set Al-Baghdadi Playtime.

Pembelajaran Secara Kelas

Teknik al-Baghdadi mempunyai kelebihan dan keunikannya yang tersendiri. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan dalam bentuk kelas dengan memanfaatkan sepenuhnya masa yang diperuntukkan tanpa mengabaikan pelajar. Ini kerana Teknik al-Baghdadi mampu menarik perhatian setiap pelajar melalui kaedah yang diterapkan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Tempoh yang diperuntukkan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti mengikut pelajaran. Ini kerana, dengan menggunakan alat ketuk sebagai alat bantu mengajar, ia memudahkan tugas tenaga pengajar bagi menyelia sepenuhnya kelas pengajaran. Penyamaan ketukan menggunakan mekanisme seperti yang disebutkan dari sekecil-kecil bilangan kumpulan sehingga kepada keseluruhan kelas memberikan satu latih tubi yang unik dan kreatif serta mengisi keseluruhan keperluan pembelajaran al-Quran yang berkesan dengan keterlibatan pelajar, bahan dan guru secara serentak. Teknik yang digunakan menyebabkan pelajar mengulang beratus-ratus kali tanpa sedar dan rasa jemu.

Rumusan

Teknik Al-Baghdadi merupakan sebahagian daripada kepelbagaian cara P&P yang tercetus daripada perkembangan semasa pendidikan al-Quran di mana keperluannya menurut pengasas begitu memberi impak jauh lebih berkesan pada majoriti besar pelajar yang masih belum boleh membaca al-Quran. Modul pembelajaran yang disusun oleh pengasas lengkap dan memenuhi keperluan pembelajaran seperti yang mendapat perhatian dalam pelbagai cabang kajian berkenaan masalah pendidikan. Salah satunya adalah pendekatan 5 Domain yang diterapkan dalam Al-Baghdadi Playtime.

Teknik Al-Baghdadi memudahkan pengajaran guru kerana boleh diaplikasikan dalam bentuk kelas melibatkan keseluruhan pelajar dan masa yang diperuntukkan, silibusnya yang merentas kurikulum sehingga membolehkan pelajar mengenal lebih daripada satu bentuk bacaan walaupun masih berada pada pelajaran pertama, pelajaran yang padat dan menggunakan sistem SAS yang terbukti berkesan, Teknik yang bertindak mendisiplinkan bacaan dan sekaligus merangsang kemahiran dan tumpuan sepenuhnya, sukatan pelajaran yang lentur terhadap semua peringkat umur (dibuktikan melalui kelas-kelas yang dijalankan di seluruh Malaysia dan testimoni lebih 8000 peserta kursus yang pernah menghadiri program Al Baghdadi Method Sdn. Bhd.) dan melahirkan pelajar yang bukan sahaja belajar namun boleh mengajarkannya kepada orang lain kerana sukatan dan tekniknya yang mudah untuk difahami.

Referensi

- Esah Sulaiman. (2003). *Asas Pedagogi*. Johor bahru: Penerbit UTM.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Thomas Amstrong. (2009). *Multiple Intelligence in Classroom*. USA: Elexandria, Virnigia.